

## **PERJANJIAN CEPA MALAYSIA-UAE: SASARAN PENINGKATAN PERDAGANGAN 60 PERATUS DALAM TEMPOR LIMA TAHUN**

---

Lawatan rasmi Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) dari 13-14 Januari 2025 telah memperkukuhkan hubungan ekonomi strategik antara Malaysia dan UAE. Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz turut serta dalam lawatan rasmi ini.

Kejayaan Malaysia dan UAE memeterai Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif (MY-UAE CEPA) di Abu Dhabi pada 14 Januari 2025 merupakan satu kejayaan besar kepada kedua-dua negara, di mana rundingan CEPA ini merupakan perjanjian perdagangan bebas yang pertama antara Malaysia dengan sebuah negara Asia Barat. Majlis tandatangan dan pertukaran perjanjian tersebut telah disaksikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Yang Amat Mulia Sheikh Mohammed bin Zayed Al Nahyan, Presiden UAE merangkap Pemerintah Abu Dhabi.

CEPA dijangka membuka laluan untuk kerjasama ekonomi komprehensif yang kukuh melalui fasilitasi laluan perdagangan, serta perluasan akses pasaran antara Malaysia dan UAE. UAE merupakan salah satu hab perdagangan utama untuk pasaran Asia Barat dan Afrika Utara (MENA). Perjanjian ini dijangka akan meningkatkan jumlah perdagangan dua hala sebanyak sekurang-kurangnya 60 peratus dalam tempoh lima tahun, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan.

Mengambil kesempatan ini, YB Menteri MITI juga mengadakan mesyuarat dua hala dengan TYT Dr. Thani bin Ahmed Al Zeyoudi, Menteri Negara bagi Perdagangan Luar, Kementerian Ekonomi UAE, untuk membincangkan pelbagai isu, termasuk pelaksanaan CEPA serta potensi perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan UAE dalam bidang berkepentingan bersama. Turut dibincangkan jangkaan hasil dari Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC)+China yang bakal diadakan dalam bulan Mei 2025, bersempena Kepengerusian ASEAN 2025 oleh Malaysia.

Tengku Zafrul berkata: “Rundingan CEPA yang hanya mengambil selama 11 bulan mencerminkan komitmen Malaysia dan UAE untuk mengeratkan kerjasama kedua-dua negara dalam bidang ekonomi demi manfaat bersama. Pemeteraian CEPA dijangka bakal meletakkan Malaysia sebagai hab perdagangan dan pelaburan yang dinamik, membuka peluang baharu untuk perniagaan Malaysia dan mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, selain menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk untuk perniagaan UAE ke pasaran ASEAN.”

MITI melalui agensinya, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), juga telah mengaturkan sesi pertemuan bagi YAB Perdana Menteri dengan syarikat-syarikat Dana Kekayaan Berdaulat dari Abu Dhabi, iaitu Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan Mubadala Investment Company serta syarikat terulung tenaga boleh baharu UAE iaitu MASDAR. Antara sektor-sektor yang berpotensi untuk diperdalamkan kerjasama dengan syarikat Dana Kekayaan Berdaulat ini termasuklah tenaga boleh baharu, kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dan industri semikonduktor.

Malaysia juga menyambut baik hasrat ADIA untuk kerjasama dengan Global Infrastructure Partners (GIP) dalam usaha transformasi Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB). Malaysia dan UAE telah menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama Pelaburan Projek Pusat Data. Kerjasama dalam sektor-sektor ini mampu memberikan nilai tambah kepada pembangunan ekonomi Malaysia dan memanfaatkan kepakaran serta modal yang ditawarkan oleh UAE.

UAE merupakan rakan dagang Malaysia yang kedua terbesar bagi tahun 2023 dalam rantau Asia Barat, selepas Arab Saudi. UAE juga merupakan negara kedua terbesar bagi destinasi eksport negara selepas Turkiye dan kedua terbesar bagi sumber import negara selepas Arab Saudi di kalangan negara-negara di rantau Asia Barat. Dalam tempoh sebelas bulan pertama tahun 2024, jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dan UAE adalah RM39.53 bilion, peningkatan 8.6% tahun-ke-tahun. Hubungan ini mencerminkan kepentingan strategik UAE sebagai rakan ekonomi utama Malaysia di rantau tersebut.

Dalam aspek pelaburan asing, UAE merupakan antara negara pelabur tertinggi di kalangan negara-negara anggota GCC di Malaysia. Sehingga September 2024, sebanyak 35 projek pembuatan oleh pelabur-pelabur dari UAE, bernilai RM1.51 bilion, telah dilaksanakan. Pelaburan ini telah berjaya mewujudkan sebanyak 2,187 peluang pekerjaan, menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan pertumbuhan sektor pembuatan negara.

## **KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**14 JANUARI 2025**

### **Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



603-80008000



[www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)



[webmiti@miti.gov.my](mailto:webmiti@miti.gov.my)



**MITI**  
MALAYSIA



**PEMACU POTENSI GLOBAL**